



## TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA

**SESI PEMUKIMAN SETAHUN SELEPAS  
KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024**

**PADA:  
23 MEI 2025, JUMAAT**

**LOKASI:  
PUTERA HALL A2  
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE  
(PICC), PUTRAJAYA**

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

**MUKADIMAH: MASA UNTUK MENILAI DAN MENYESUAIKAN**

Hadirin dan hadirat sekalian,

1. Setahun empat bulan yang lalu, kita telah bermuzakarah dalam Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 — penuh dengan harapan dan azam. Kita bernostalgia mengenang apa yang lahir daripada perut KEB 1965 dan 1968 yang akhirnya membuaikan MARA, Bank Bumiputera dan PERNAS. Hari ini, kita berkumpul sekali lagi mengusahakan hasil yang InsyaAllah setanding atau lebih baik dari sebelumnya.
2. Alhamdulilah daripada kongres lalu, kita lahirkan satu pelan bersejarah **Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)** sebagai peta jalan baharu untuk memperkuuh kedudukan Bumiputera dalam ekonomi negara.
3. Namun sejurnya saya ingin bertanya - adakah kita benar-benar telah menggarap agenda itu? Adakah impak yang dijanjikan sudah dirasai oleh masyarakat?

Jika tanya saya — **belum lagi**.

4. PuTERA35 yang dihasilkan tidak boleh hanya menjadi hiasan dalam fail kabinet, tuan-tuan puan-puan. Ia adalah komitmen nasional untuk memperkuuh **penyertaan, pemilikan, dan penguasaan ekonomi oleh Bumiputera**. Tetapi jika komitmen ini tidak diterjemahkan kepada tindakan, maka kita hanya membazir masa dan membazir kepercayaan rakyat.
5. Sebab itu, saya mahu semua yang berada di sini hari ini sama ada Kementerian, agensi, GLC, GLIC, penyelaras mahupun pelaksana - kita mesti bergerak seiring, menyemak dengan jujur, menilai dengan telus, dan bertindak dengan tegas untuk

memastikan agenda ini mencapai matlamat yang telah kita hasratkan bersama.

6. Kita sudah ada pelan. Kita sudah ada struktur. Kini, yang diperlukan ialah **disiplin pelaksanaan dan keberanian membuat keputusan**.

## **STATUS PELAKSANAAN: ANTARA RETORIK DAN REALITI**

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Jadi hari ini - saya mahu kita melakukan anjakan serius dalam cara kita menterjemahkan hasrat besar KEB. Kita ada 132 ikhtiar di bawah PuTERA35. Saya mahu ia diberikan keutamaan penuh dan mesti ada keberhasilan. Kita perlukan garis masa yang jelas. Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam retorik tanpa kesudahan.
8. Apabila saya melihat status pencapaian semasa - saya dapati masih banyak yang belum digerakkan. **Ini adalah dasar Kerajaan** jadi ia perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian — bukan hanya Kementerian Ekonomi atau KKDW. Semua kementerian, tanpa pengecualian, mesti memain peranan aktif seperti yang telah diaspirasikan.
9. Tambahan itu, peranan penyelaras mesti diperkasakan - bukan sekadar menguruskan mesyuarat - tetapi menyelaras pelaksanaan, menyegerakan tindakan, dan mengatasi segala halangan.
10. Kementerian pula wajib menyediakan kelengkapan dan sokongan penuh - kerana hanya melalui kerjasama erat inilah semua perancangan dapat diterjemah menjadi kejayaan yang lebih besar.
11. Realitinya, dunia sedang berubah. Perubahan geopolitik seperti tarif AS dan konflik serantau memberi kesan langsung

kepada rantaian nilai dan peluang eksport kita. ASEAN pula semakin penting dalam ekosistem ekonomi serantau yang saling bergantung.

12. Saya beri contoh - baru-baru ini saya ke Indonesia untuk memperjuangkan pensijilan halal Malaysia. Alhamdulillah, kedua-dua negara bersetuju untuk mengiktiraf sijil halal JAKIM yang membolehkan barang Malaysia masuk ke pasaran mereka, dan sebaliknya.

### **Kenapa saya usahakan ini?**

13. Kerana saya nampak potensi besar. **Pasaran Indonesia, dengan 242 juta penduduk Islam, adalah peluang emas untuk usahawan Bumiputera.** Kalau kita tidak rebut sekarang, orang lain akan masuk dahulu.
14. Jadi saya mahu kita berfikiran di luar kotak - **kita mesti menilai semula ikhtiar yang ada, segarkan strategi, dan pastikan semuanya kekal relevan, adaptif, dan berpaksikan keperluan semasa.** Kita tidak boleh beku dalam pendekatan lama untuk cabaran yang berubah setiap masa.

### **OUTPUT BUKAN UKURAN — OUTCOME PENENTU KEJAYAAN**

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Saya juga mahu menyentuh satu perkara yang nampak kecil, tetapi hakikatnya penting iaitu **kaedah pengiraan pencapaian.** Soalan ini penting kerana kita perlu **consistent** dan **telus dalam metodologi pengiraan**, agar rakyat tahu bahawa angka yang kita bentangkan benar-benar mencerminkan realiti - bukan kosmetik.

*I am a man of numbers. I want rational figures and tangible outcomes - bukan hanya persembahan PowerPoint atau PDF*

yang cantik tetapi kita perlukan bukti sebenar yang menyentuh kehidupan rakyat.

16. Kemudian, kita mesti ubah **kaedah kita mengukur kejayaan**. Selama ini, kita terlalu bergantung pada **output** — berapa ramai hadir, berapa kursus dibuat, berapa juta telah disalur. Tapi itu sahaja tidak cukup.
17. **Yang lebih penting ialah outcome** - sejauh mana ia mengubah hidup rakyat. Adakah mereka mampu berdikari, menjana pendapatan, dan mencipta peluang yang berpanjangan?
18. Sebagai contoh, agensi pembiayaan **tidak boleh lagi berpuas hati hanya kerana dana sudah disalur**. **Prinsip asasnya mudah** — dana bukan untuk diagih semata-mata, tetapi untuk melahirkan usahawan yang berdikari, berkembang, dan akhirnya menyumbang semula kepada ekonomi negara. Itu matlamat sebenar.
19. Kemudian kita lihat konteks **TVET**. Majlis TVET Negara telah mencatat permohonan melebihi **126,000 calon untuk sesi Julai 2025**. Ini satu perkembangan yang sangat positif. Dahulu TVET sering dilihat sebagai pilihan terakhir, tapi kini semakin ramai terutama anak muda yang percaya dengan laluan ini.
20. Dan sebab apa saya tegaskan di sini.. sebab bila kita bercakap tentang TVET, **kita sebenarnya sedang membina masa depan anak Bumiputera**.

Tapi persoalan utama tetap sama – **what is the outcome?**

21. Alhamdulilah permohonan semakin tinggi tetapi adakah industri kita bersedia menyerapnya? Adakah syarikat Bumiputera mampu bersaing untuk menyediakan peluang pekerjaan yang **setimpal - dengan gaji premium dan mobiliti kerjaya yang kukuh?**

**22. Inilah bentuk koordinasi yang perlu dijelmakan.** Setiap Kementerian mesti memainkan peranan dengan serius agar ekosistem ini lengkap: dari pendidikan ke pekerjaan, dari latihan ke peluang sebenar.

### **GERAK KERJA SELEPAS PEMUKIMAN: DARI PERANCANGAN KE LONJAKAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**23. Dalam sesi pemukiman ini, saya mahu kita melonjak dan lakukan anjakan itu.**

*I want a solid drive - a national momentum to turn this mission into a real movement.*

**24. Ini dapat dilakukan dengan; Pertama - Komunikasi Strategik Mesti Dipacu Segera** - setiap pemacu di bawah PuTERA35 mesti mempunyai pelan komunikasi yang **jelas, agresif dan konsisten**.

Rakyat berhak tahu -

- **Berapa usahawan Bumiputera telah dilahirkan tahun ini?**
- **Berapa yang telah naik daripada mikro kepada perusahaan sederhana?**
- **Berapa graduan TVET kini bergaji RM4,000 ke atas?**

*Data tanpa naratif tidak hidup. Naratif tanpa data hanyalah propaganda.*

**25. Kedua - Ubah Pendekatan Pelaporan.** Kita tidak boleh terus bergantung kepada laporan pasif dan tahunan. Saya mahu pelaporan yang proaktif, berdasarkan data *real time*, dan boleh diakses terbuka. Jika eKasih dan subsidi bersasar ada *dashboard* digital - kenapa tiada *dashboard* untuk memantau kemajuan agenda Bumiputera?

- 26. Ketiga, saya mahu peranan GLC dan GLIC yang lebih strategik.** Saya menyeru agar semua GLC, GLIC dan entiti korporat strategik tampil sebagai **rakan pelaksana utama**. YAB Perdana Menteri telah beri mandat yang jelas - **GLC dan GLIC mesti melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan memperluas rantaian nilai mereka.**
- 27. Keempat** - bagi memastikan gerak kerja berjalan lancar, saya telah meletakkan tanggungjawab secara langsung kepada **Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)** di setiap kementerian untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan PuTERA35. Peranan ini akan diperkuuh oleh **Unit Pemerkasaan Bumiputera (UPB)** — yang mesti distruktur semula mengikut kesesuaian masa kini.
- 28. Kelima.** Hari ini juga kita akan mendengar dapatan penting berkenaan **Pemerkasaan Tanah Bumiputera**. Saya mahu potensi harta tanah Bumiputera yang tidak dimanfaatkan mesti dikenal pasti, dipulihkan dan dimobilisasi secara strategik.

## **PENUTUP**

29. Akhir kata, kita tidak boleh lagi berada dalam mod *business as usual*. Sudah tiba masanya untuk kita bergerak dengan keberanian, berpandukan intervensi strategik yang berasaskan data, dan disandarkan kepada hasil sebenar. Sekarang adalah masa untuk membuktikan bahawa segala yang dirancang benar-benar dilaksanakan.
30. Sebagai langkah ke hadapan, saya ingin mengumumkan bahawa **Sesi Pemukiman Kongres Ekonomi Bumiputera** ini akan dijadikan acara tahunan tetap bagi melonjak semula agenda pembangunan Bumiputera secara kolektif, merentas semua kementerian, agensi dan sektor.

31. Kerana pada akhirnya, sejarah tidak mencatat apa yang kita rancang. Sejarah hanya mencatat apa yang kita laksanakan, dan apa yang kita capai bersama.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.